

Reformasi Komunikasi: Berkomunikasi seperti SuperStar!

Tahukan anda rahsia untuk menyampaikan semua maklumat kepada pegawai secara berkesan?

Adakah anda berinteraksi secara berkesan dengan pegawai-pegawai yang lain dalam jabatan anda?

Pengenalan

Seseorang individu yang mampu berkomunikasi dengan baik dan berkesan dapat menonjolkan kewibawaan diri dan organisasinya. Kemahiran komunikasi sangat penting kerana ia memberi kesan langsung terhadap kepuasan para pelanggan, pihak atasan, orang kenamaan, pekerja, rakan dan juga pihak media, seterusnya memberi kesan besar kepada reputasi dan keuntungan organisasinya.

Objektif Program

Program ini bertujuan untuk:

- Menyedari kesilapan-kesilapan dalam komunikasi secara berkesan dan kesannya kepada reputasi diri dan organisasinya
- Meningkatkan keberkesanan berkomunikasi secara individu dan berkumpulan
- Menguasai teknik berkomunikasi secara efektif dan efisien

Hasil Pembelajaran

Selepas menghadiri kursus ini para peserta sudah boleh atau berpengetahuan tentang

- Bertindak sebagai pemimpin dan berinteraksi secara berkesan
- Mengatasi segala rintangan-rintangan yang berlaku semasa berkomunikasi dengan pegawai lain

Siapa Yang Patut Hadir?

Pegawai kumpulan sokongan, Pegawai gred 41-44, pegawai gred 48-52. Pegawai-pegawai yang berminat dengan komunikasi.

Metodologi

Kajian kes, perbincangan forum, main peranan, pembentangan, gamifikasi

Kerangka Latihan

Masa	Hari Pertama
8:30 am – 10:30 am	Komunikasi Efektif: Kepimpinan dan Teladan Modul ini bertujuan untuk mendedahkan peserta berkenaan dengan konsep dan cara berkomunikasi yang berkesan. Pada akhir modul ini, peserta akan menghayati konsep kepimpinan dan berkomunikasi dengan lebih berkesan. Penekanan komunikasi dua hala amat dititikberatkan dalam modul ini.
10.30 am – 11.00 am	Rehat dan Rangkaian
11:00am – 1.00pm	Pengendalian Komunikasi Berkesan Manusia berkomunikasi setiap hari. Namun, adakah komunikasi tersebut berkesan? Modul ini berkongsi teknik-teknik berkomunikasi yang berkesan.
1:00pm - 2:00pm	Makan tengah hari dan Rangkaian
2:00pm – 3:30pm	Refleksi Diri Sesi refleksi ini bertujuan untuk menilai cara keterampilan peserta semasa berkomunikasi di depan kumpulan sasar.
3:30pm – 4:00pm	Minum Petang dan Rangkaian
4:00pm - 5:00pm	Refleksi Diri Sesi refleksi ini bertujuan untuk menilai cara keterampilan peserta semasa berkomunikasi di depan kumpulan sasar.
Masa	Hari Kedua
9:00am – 10:30am	Adab & etika komunikasi berkesan Di dalam modul ini, para peserta akan dapat mengetahui tentang etika-etika dan adab-adab dalam berkomunikasi supaya mereka dapat mengaplikasikannya dan seterusnya dapat menjalin perhubungan sesama insan dengan lebih baik lagi.

10:30am-11:00am	Rehat
11:00am-1:00pm	Penggunaan bahasa badan yang efektif Di dalam modul ini, para peserta akan belajar tentang teknik-teknik bahasa badan yang ringkas tetapi berkesan dimana ianya memainkan peranan yang penting untuk memastikan setiap mesej akan dapat disampaikan dengan lebih jelas.
1:00pm-2:00pm	Makan Tengahari
2:00pm-3:30pm	“Komunikasi Yang Power” Di dalam modul ini, para peserta akan didedahkan dengan apa itu konsep “Komunikasi Yang Power” dimana ianya akan dapat menjadikan mereka berkomunikasi dengan lebih baik. Mereka juga akan belajar tip-tip bagaimana untuk menjadi individu terbaik dengan mengambil berat terhadap orang lain
3:30pm – 4:00pm	Minum Petang dan Rangkaian
4:00pm – 5.00pm	Komunikasi Berpasukan Komunikasi perseorangan adalah berbeza dengan komunikasi secara berkumpulan. Dalam modul ini, peserta akan mengetahui faktor yang mempengaruhi komunikasi secara kumpulan. Selain itu, cara-cara untuk menangani isu-isu semasa berkomunikasi secara berkumpulan akan didedahkan.